



Keris sinonim dengan tamadun masyarakat serantau sebelum wujud negara bangsa”

Abdul Mua'ti @ Zambri Ahmad
Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM



Ahli Armada Maliau Malaysia pada Wacana Keris Senjata atau Busana di Muzium Negara, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pertahan keris, pantun lambang jati diri Melayu

➔ Warisan perlu dipulihara elak dilupakan generasi muda

Oleh **Maisarah Aisya Ismail**
bhsastera@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Keris dan pantun barangkali dua unsur budaya yang berbeza dalam konteks kebudayaan dan warisan Melayu, tetapi keduanya berkongsi dalam menjadi lambang kepada jati diri Melayu yang sebenar.

Tidak hairan dua unsur budaya yang sangat sinonim dengan bangsa Melayu itu mendapat perhatian pada Wacana Keris Senjata atau Busana di Auditorium Muzium Negara di sini.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abdul Mua'ti @ Zambri Ahmad, berkata sebagai lambang jati diri Melayu, keris sebenarnya lebih kepada senjata dan bukan pula sekadar busana untuk di-

peragakan.

Katanya, secara evolusi budayanya, keris pada zaman dahulu digunakan untuk pertahanan diri, tetapi apabila dunia semakin berkembang, ia menjadi pelengkap busana.

Keris juga sinonim dengan tamadun masyarakat serantau sebelum wujud negara bangsa, malah ia dikatakan wujud dalam tamadun Melayu, 600 tahun sebelum kedatangan Islam dan Hindu.

“Keris sebenarnya sesuatu budaya yang unggul, malah pembuatan bilahnya sempurna, manakala setiap keris dibuat untuk maksud yang berbeza.

“Ada keris yang mampu merobek perut hingga terkeluar isi perut dan ada yang berkeupayaan untuk melepasi baju besi yang dipakai oleh pihak lawan,” katanya.

Bukti tamadun Melayu

Beliau berkata, kajian saintifik ketika ini mendapati pada mata keris turut dibariskan nanotub karbon yang menyebabkan keris itu menjadi tajam.

“Jadi kita tidak perlu mengaitkan peranan jin dalam hal ini kerana terbukti secara saintifik ia disebabkan oleh (kemajuan ilmu) tamadun Melayu itu sendiri, bukan pertolongan makhluk halus.

Info

KERIS

➔ **Lebih kepada senjata**, bukan sekadar busana.
➔ **Wujud dalam tamadun Melayu, 600 tahun** sebelum kedatangan Islam dan Hindu.



“Mengenai tanggapan bangsa asing yang mengatakan kita menggunakan senjata sebagai pengecut kerana di hujung keris diletakkan racun, sebenarnya itu strategi paling cepat menumpaskan musuh,” katanya.

Dalam konteks pantun, Abdul Mua'ti berkata, pusaka Melayu itu semakin hilang seninya apabila anak muda sekarang kurang minat untuk mempejarinya.

“Pantun sebenarnya manifestasi kebijaksanaan moyang kita dahulu, sekali gus melambangkan pandangan alam mereka pada ketika itu,” katanya.

Beliau berkata, dua baris pertama pantun adalah pembayang, manakala dua di bawah-

nya pula untuk maksud, tetapi malangnya generasi muda gagal untuk memahami konsep pantun.

“Mereka mengambil jalan mudah dengan membuat pantun yang semuanya pembayang sehingga sukar ditafsir maksudnya.

“Ada juga yang hanya menggunakan maksud pantun. Sebenarnya daripada mereka bersusah-payah membuat pantun, lebih baik bercakap terus terang sahaja,” katanya.

Abdul Mua'ti berkata, seperti keris, pantun patut dibangga dan dikaji supaya warisan itu tidak terus dilupakan oleh bangsanya sendiri.